



SYARAT - SYARAT CABUTAN BERTUAH TAHUN 2024

1. Hanya **pemilik harta** cukai taksiran MPAJ **dibenarkan** menyertai program cabutan bertuah sempena kempen merakyatkan MPAJ bagi tahun 2024. Pemilik harta yang merupakan **kakitangan MPAJ dan Ahli Majlis** adalah **dibenarkan** menyertai program ini. Pemilik harta yang telah mendapat pengecualian bayaran cukai taksiran di bawah **kategori rumah kos rendah dan kampung adalah tidak dibenarkan**.
2. Alamat harta hendaklah **didaftarkan di iCOMM versi komputer atau telefon bimbit** bagi melayakkan menyertai program cabutan bertuah sempena kempen merakyatkan MPAJ tahun 2024. Pendaftaran boleh dilakukan sendiri oleh pemilik atau didaftarkan sebagai akaun tambahan oleh pemilik iCOMM lain.
3. Program cabutan bertuah ini akan dilaksanakan pada tahun 2024. Cabutan hadiah bertuah akan dibuat **secara bulanan** dan juga **cabutan hadiah utama** pada penghujung penggal pertama dan kedua.
4. Pelaksanaan dan **syarat-syarat kelayakan bagi cabutan hadiah bulanan** ialah seperti berikut:
 - a. Pemilik harta perlu menjelaskan **keseluruhan jumlah cukai taksiran MPAJ termasuk segala tunggakan serta caj** yang dikenakan di dalam bil cukai taksiran MPAJ dalam penggal yang telah ditetapkan iaitu pada bulan **Januari hingga Februari** dan pada bulan **Julai hingga Ogos** untuk tahun 2024.
 - b. Pemilik harta yang telah menjelaskan bayaran **selepas tempoh** yang ditetapkan adalah **tidak layak** diambil kira bagi tujuan cabutan bertuah.
 - c. **Cabutan bertuah bulanan** akan dilakukan pada setiap bulan berikut:
 - i. **Penggal pertama tahun 2024 :**
Mac, April, Mei dan Jun
 - ii. **Penggal kedua tahun 2024 :**
September, Oktober, November dan DisemberCabutan bertuah bulanan akan dilaksana pada **8 bulan** yang telah ditentukan tersebut di atas sahaja.
- d. Proses cabutan bertuah bulanan akan dilaksanakan setiap bulan ditetapkan selepas berakhirnya mesyuarat penuh MPAJ atau di mana-mana program Majlis yang dirasakan bersesuaian. Keputusan hasil cabutan adalah muktamad. Hadiah cabutan bertuah hanya boleh dituntut oleh pemilik yang berjaya **sebelum berakhir bulan Januari tahun 2025**.



5. Pelaksanaan dan **syarat-syarat kelayakan** bagi **cabutan hadiah utama** ialah seperti berikut:

- a. Pemilik harta perlu menjelaskan bayaran **keseluruhan jumlah cukai taksiran MPAJ bagi tempoh satu (1) tahun (2 penggal iaitu Jan - Jun dan Julai - Disember)** bagi tahun 2024 termasuk **segala tunggakan serta caj** yang dikenakan di dalam bil cukai taksiran MPAJ tersebut sebelum tamat bulan Februari tahun 2024.
- b. Pemilik harta yang telah menjelaskan bayaran keseluruhan jumlah cukai taksiran MPAJ bagi tempoh satu (1) tahun **selepas tempoh** yang ditetapkan adalah **tidak layak** diambil kira bagi tujuan cabutan bertuah utama.
- c. Proses cabutan bertuah utama akan dilaksanakan pada setiap penggal Tahun 2024 iaitu dalam tempoh bulan Mac - Jun 2024 (Penggal 1/2024) dan dalam tempoh bulan September – Disember 2024 (Penggal 2/2024). Keputusan hasil cabutan adalah muktamad. Hadiah cabutan bertuah hanya boleh dituntut oleh pemilik yang berjaya **sebelum berakhir bulan Januari tahun 2025**.

JADUAL PELAKSANAAN CABUTAN BERTUAH 2024

PENGGAL 1	BULAN					
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN
	Tempoh bayaran cukai taksiran		Cabutan hadiah bulanan	Cabutan hadiah bulanan	Cabutan hadiah bulanan	Cabutan hadiah utama & bulanan

PENGGAL 2	BULAN					
	JUL	OOG	SEPT	OKT	NOV	DIS
	Tempoh bayaran cukai taksiran		Cabutan hadiah bulanan	Cabutan hadiah bulanan	Cabutan hadiah bulanan	Cabutan hadiah utama & bulanan



TERMA HADIAH

1. Pihak Majlis mempunyai hak untuk menukar hadiah cabutan bertuah dengan sesuatu yang hampir sama atau dengan nilai yang lebih rendah seandainya berlaku kejadian sekiranya hadiah yang dirancangkan pada asalnya tidak dapat diperolehi atau disebabkan lain-lain faktor yang difikirkan munasabah oleh pihak Majlis. Hadiah dimenangi tidak boleh ditukar milik dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit atau barang lain sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya.
2. Pemenang-pemenang hendaklah menebus hadiah di tempat yang akan dimaklumkan oleh pihak Majlis kelak.
3. Semua hadiah mesti dituntut dalam tempoh yang ditetapkan. Semua hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan. Tiada tuntutan akan dilayani selepas tempoh tersebut.
4. Untuk menuntut hadiah , pemenang-pemenang mestilah menunjukkan kad pengenalan untuk tujuan verifikasi sebagai bukti identiti yang mana jika gagal, hadiah-hadiah tersebut akan dibatalkan dan sebarang pertanyaan kemudiannya tidak akan dilayan.
5. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab terhadap pungutan hadiah-hadiah oleh para pemenang. Semua kos untuk tuntutan hadiah adalah tanggungjawab pemenang. Semua pemenang cabutan bertuah ini bertanggungjawab ke atas semua cukai, kadar dan yuran kerajaan, kos pemasangan atau apa-apa bayaran lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang yang berhubung dengan hadiah dalam cabutan bertuah ini.
6. Hadiah-hadiah adalah dihasilkan dan diperbuat oleh pihak ketiga (pembuat). Pemenang perlu berhubung dengan pembuat berkaitan waranti atau kerosakan hadiah yang dimenangi.
7. Pihak pihak Majlis mempunyai hak mutlak untuk membuat sebarang pindaan terhadap terma dan syarat bagi cabutan bertuah ini tanpa sebarang notis yang perlu diberikan.



HADIAH UTAMA UNTUK DIMENANGI

BIL	HADIAH	PENGGAL 1 (Unit)	PENGGAL 2 (Unit)	JUMLAH HADIAH
1	Motosikal Yamaha	2	2	4

HADIAH BULANAN UNTUK DIMENANGI

BIL	HADIAH	PENGGAL 1 (Unit)	PENGGAL 2 (Unit)	JUMLAH HADIAH
1	Peti sejuk 3 pintu	4	4	8
2	Televisyen (<i>Smart TV</i>) 65"	4	4	8
3	Mesin basuh / <i>dryer</i> 15 Kg	4	4	8
4	Penapis udara (<i>Air Purifier</i>)	4	4	8
5	Vakum	4	4	8
6	Komputer riba	4	4	8
7	Basikal lipat	4	4	8
8	Tablet	8	8	16

JUMLAH KESELURUHAN HADIAH

Jumlah Keseluruhan	38	38	76
--------------------	----	----	----